



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJA**

KOD KURSUS : DSM3183

PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: (100 MARKAH)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan

SOALAN 1

- a. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (AKKP) telah diluluskan oleh parlimen dan berkuat kuasa mulai 25 Oktober 1994. Akta ini diluluskan bagi melengkapkan undang-undang yang telah sedia wujud dan meningkatkan lagi tahap kesedaran tentang keselamatan di tempat kerja.

Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan mana-mana **tiga (3)** punca kemalangan yang sering berlaku di tempat kerja yang menyebabkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (AKKP) ini diwujudkan.

(6 markah)

Pengurus projek Persatuan Bertindak Wanita (AWAM), Betty Yeoh, menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menjurus kepada gangguan seksual, termasuk penyalahgunaan kuasa, keistimewaan atau mangsa sendiri tidak ambil kisah dengan pelakuan rakan sekerjanya. Katanya, ramai orang tidak sedar mereka menjadi mangsa di sebalik tingkah laku seksual yang tidak diingini sehingga menjejaskan martabat atau membuatkan mereka ditindas, direndahkan atau menjadi objek seksual.

Penyataan 1

- b. Berdasarkan pernyataan 1 di atas, bagaimanakah Pengurus Projek Bertindak Wanita (AWAM) membantu pekerja-pekerja wanita daripada menjadi mangsa gangguan seksual di tempat kerja?

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Sebuah kilang kayu yang beroperasi di Kulai, Johor telah melantik anda sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan untuk memastikan keselamatan pekerja di kilang tersebut sentiasa dalam keadaan selamat. Antara tugas anda adalah memastikan pekerja di kilang kayu berkenaan mematuhi peraturan dan prosedur kesihatan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Oleh kerana itu, cadangkan kepada majikan tentang keperluan yang wajib sediakan kepada pekerja kilang kayu bagi memastikan pekerja bekerja dalam persekitaran yang bersih dan selamat.

(6 markah)



Rajah 1

- b. Rajah 1 menunjukkan salah satu jenis hazard yang sering berlaku di tempat kerja. Sebagai seorang pengurus yang bertanggungjawab terhadap keselamatan pekerja apakah langkah langkah yang perlu anda lakukan untuk menganalisis hazard kerja ini supaya dapat mengurangkan berlakunya kemalangan?

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Stres atau tekanan ialah keadaan seseorang itu mengalami ketidakstabilan samaada fizikal ataupun mental. Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia, anda diminta untuk menjelaskan:
- i. **Dua (2)** jenis stres
 - ii. **Empat (4)** kategori stres yang boleh berlaku di tempat kerja.

(10 markah)

- b. Encik Yazid merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia baharu di tempat anda bekerja. Sebagai seorang pengurus yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda menerangkan kepentingan dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kepada Encik Yazid?

(12 markah)

- c. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah seorang penyelia boleh mengenal pasti pekerja di bawah seliaannya mempunyai masalah ketagihan dadah dan alkohol?

(12 markah)

SOALAN 4

- a. Jelaskan **lima (5)** komponen pelan tindakan kecemasan di tempat kerja.

(10 markah)

Insiden kren tumbang di tapak pembinaan boleh menyebabkan kecederaan kepada pekerja.
--

Penyataan 2

- b. Berdasarkan pernyataan 2 di atas, pilih kelas kecemasan yang sesuai dan rancang Pelan Tindakan Kecemasan yang sesuai dengan insiden tersebut.

(10 markah)

- c. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah seorang Pegawai keselamatan dan kesihatan mengenal pasti post-prosedur kecemasan yang perlu dilakukan di tempat kerja?

(12 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT